

PENGGUNAAN TEKNOLOGI WEB 2.0 DALAM PEMBELAJARAN HIBRID

Analisa Hamdan*, Rosseni Din*, Aliza Adnan+, Siti Zuraida Abdul Manaf*, Nor Mohamad Ismail*,
Nor Syazwani Mat Salleh*, & Hafizi Shafiin*

* *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

+ *Jabatan Teknologi*

Abstrak

Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia menekankan kepentingan inovasi pedagogi yang menggunakan kemajuan teknologi terkini demi mewujudkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Selaras dengan kemajuan teknologi Web 2.0, tenaga pengajar disarankan menggunakan teknologi tersebut sebagai elemen sokongan kepada pembelajaran hibrid di Institusi Pengajian Tinggi dengan mengekalkan penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran. Facebook, Wordpress, Twitter, YouTube dan PowerPoint telah dipilih sebagai alat teknologi Web 2.0 yang menyokong pembelajaran hibrid berdasarkan temu bual dengan 12 orang responden. Lima kategori Web 2.0 iaitu laman rangkaian sosial, blog, mikro blog, video, dan peralatan persembahan telah dijadikan sebagai asas pemilihan teknologi yang memenuhi minat dan permintaan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan Facebook, Wordpress, Twitter, Youtube, dan PowerPoint telah menjadi alat teknologi pilihan utama pelajar manakala kerangka model pelantar utama Facebook dipilih sebagai asas kepada pembangunan model pembelajaran hibrid dengan gabungan teknologi Web 2.0. Selaras dengan dapatan tersebut, satu kerangka pembelajaran hibrid bermakna Web 2.0 akan dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran pelajar dan teori-teori yang bersesuaian demi menghasilkan pembelajaran berkesan dan bermakna serta memenuhi inovasi pedagogi,

Kata Kunci: pembelajaran hibrid, teknologi Web 2.0, temu bual, Facebook, inovasi pedagogi

